

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 6 / 12 / 2007

Dr. Mahathir gembira LIMA semakin popular

LANGKAWI 5 Dis. - Setelah 16 tahun berlangsung, Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (LIMA) berjaya melonjakkan namanya sebagai acara yang sentiasa dinanti-nanti oleh kalangan mereka yang terlibat dalam industri pertahanan.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, sejak dimulakan pada 1991, pameran dwi tahunan itu kian dikenali dengan jumlah penyertaan semakin meningkat.

"LIMA semakin popular, lebih maju dan jumlah penyertaan semakin banyak setiap kali dianjurkan.

"Nampaknya LIMA merupakan pameran industri pertahanan yang berjaya," katanya ketika ditemui di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIEC) iaitu tempat berlangsungnya pameran segmen udara LIMA 2007 di sini hari ini.

Dr. Mahathir meluangkan masa lebih dua jam melawat tapak-tapak pameran bersama isterinya, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali.

Idea menjadikan Pulau Langkawi sebagai lokasi penganjuran LIMA dicetuskan oleh Dr. Mahathir sewaktu beliau menjadi Perdana Menteri.

LIMA 2007 mula dibuka semalam, dengan penyertaan sebanyak 300 syarikat dari 30 negara.

Ia akan berlangsung sehingga Sabtu ini dan akan dibuka kepada orang ramai bermula Jumaat ini.

MAHATHIR Mohamad diberi penerangan oleh Angkasawan Negara, Sheikh Muszaphar Sheikh Shukor ketika melawat pameran Udara dan Maritim Lima Malaysia 2007 di Langkawi, semalam.

